

30 JAN 1997

Mahathir-Dedah

JANGAN MALU DEDAHKAN KEBURUKAN, KATA MAHATHIR

SINTOK, 30 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa orang Melayu supaya jangan malu untuk mendedahkan keburukan dan masalah sosial yang sedang dihadapi.

Katanya masalah sosial di kalangan orang Melayu di negara ini adalah lebih tinggi berbanding bangsa lain dan banyak daripada mereka terlibat dengan gejala buruk.

"Mengikut satu kajian, gejala rasuah, bohsia, lepak, merogol anak, mendera mendera anak dan penipuan adalah lebih banyak berlaku di kalangan orang Melayu berbanding kaum Cina," katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa bersama pelajar dan kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, hari ini.

Kajian itu juga mendapati 67 peratus daripada semua kes jenayah yang berlaku melibatkan orang Melayu dan Islam.

"Mungkin kemajuan negara telah membawa gejala-gejala buruk itu. Dulu tidak ada kelab malam dan tiada peluang lelaki dan perempuan berjumpa.

"Kita boleh salahkan keadaan kerana perkara itu berlaku. Tetapi soal yang kita tidak boleh jawab kenapa banyak orang Islam yang terlibat?" tanya beliau.

Perdana Menteri juga hairan kenapa peratusan di kalangan orang Melayu begitu besar sedangkan keadaan persekitaran di negara ini adalah sama bagi semua kaum.

Berpandukan kajian itu, beliau memberi contoh bahawa dari segi keburukan menunjukkan orang Melayu mencatat peratusan melebihi 50 peratus sebaliknya peratusan kebaikan kurang daripada 50.

"Tanya diri kita di mana kedudukan perkara ini, kenapa kita tidak dapat kawal diri daripada melakukan segala keburukan itu," katanya.

Dr Mahathir berharap sikap malu mendedahkan keburukan dikikis kerana jika orang Melayu tidak mengakui kelemahan maka mereka tidak boleh mencapai kejayaan.

Hanya dengan mengakui kelemahan diri barulah mudah bagi kita mencari jalan untuk mengatasinya daripada mengharap orang lain memperbetulkannya, katanya.

Perdana Menteri berkata semua pihak mestilah berasa bertanggungjawab memulihkan masyarakat daripada gejala yang buruk itu kerana jika ia terus berkembang, matlamat mencapai negara maju yang seimbang dalam segala segi tidak akan tercapai.

Beliau juga menasihati para pelajar supaya jangan terlibat dengan gejala dadah dan masalah sosial yang hanya mendatangkan keburukan itu.

Remaja, khususnya pelajar, haruslah menumpukan perhatian kepada pelajaran dan tidak terlalu asyik untuk berhibur.

Katanya peluang mereka memasuki institusi pengajian tinggi adalah hasil usaha ibu bapa dan kerajaan, maka mereka harus membalas budi itu dengan belajar bersungguh-sungguh agar dapat mencurahkan khidmat bakti kepada masyarakat kelak. -- BERNAMA

MZM MFJ RON